



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**28 April 2024
19 Syawal 1444H**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|-----------------------|---|
| Utusan Malaysia | • |
| Berita Harian | • |
| Harian Metro | • |
| Kosmo ! | • |
| Sinar Harian | • Terjun laut lihat bot peronda Maritim |
| The Star | • |
| New Straits Time | • |
| Nanyang Siang Pau | • |
| Malaysia Gazette | • |
| The Sun | • |
| Malaysiakini | • |
| Bernamea | • |
| Borneo Post (KK) | • |
| Guan Ming Daily | • |
| Sabah Media | • |

| | | | | | |
|------------------|-------------------|----------------|-------------------|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA | KOSMO! | THE STAR | NANYANG SIANG PAU | MUKA SURAT | TAR |
| BERITA HARIAN | SINAR HARIAN | / THE SUN | ORIENTAL DAILY | | |
| HARIAN METRO | NEW STRAITS TIMES | THE MALAY MAIL | PELBAGAI | | |
| KATEGORI LIPUTAN | POSITIF | NEGATIF | NEUTRAL | 30 | 28-4-2024 |

Terjun laut lihat bot peronda Maritim

Pemeriksaan menemui botol disyaki bahan letupan untuk tangkap ikan di dalam bot

Oleh ASYIKIN ASMIN
LAHAD DATU

Panik melihat kehadiran sebuah bot peronda Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), seorang kru bot bertindak terjun ke laut dan melarikan diri dengan berenang ke daratan berhampiran.

Pengarah Zon Maritim Lahad Datu, Komander Maritim Dr Suzanna Razali Chan berkata, tindakan lelaki terbabit dipercayai cuba mengelak daripada ditangkap selepas dikesan menggunakan bahan letupan untuk menangkap ikan.

Katanya, Maritim Malaysia berjaya menahan dua bot atas pelbagai kesalahan di sekitar 0.49 batu nautika Timur Kampung Pengkalan, Kunak dan 0.20 batu nautika Selatan Pulau Timbun Mata pada Jumaat.

"Hasil rondaan Op Pluto Timur, ot peronda Maritim Malaysia berjaya menahan dan memeriksa kedua-dua bot tersebut sekitar jam 10.15 pagi dan 11.15 pagi.

"Hasil pemeriksaan mendapati, kedua-dua bot melakukan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 dan Seksyen 26 akta sama," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Menurut Suzanna, bagi kesalahan melanggar syarat sah lesen, tiga



Sebuah bot diperiksa selepas didapati berada dalam keadaan mencurigakan.



Maritim Malaysia berjaya memintas sebuah bot nelayan untuk tujuan pemeriksaan di perairan Lahad Datu.

lelaki tempatan berusia antara 33 hingga 41 tahun ditahan untuk siasatan.

"Antara kesalahan direkodkan termasuklah melakukan aktiviti menangkap ikan pada jarak kurang 0.49 batu nautika dan menangkap ikan menggunakan bahan letupan, racun dan sebagainya.

"Turut dirampas bot pam ber-

sama enjin, segulung gelung kompresor dan satu botol bom ikan dengan keseluruhan nilai rampasan melebihi RM5,000 manakala semua awak-awak ditahan untuk siasatan lanjut," katanya.

Katanya, pihaknya akan terus meningkatkan rondaan bagi mengekang sebarang pelanggaran undang-undang dan jenayah.